

07 MAY 1996

Nik Aziz-Exco

MESYUARAT EXCO ESOK TIDAK BINCANG PINDAAN PERLEMBAGAAN

KOTA BAHARU, 7 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata beliau tidak akan membangkitkan cadangan pindaan perlembagaan negeri bagi menghadkan kuasa raja pada mesyuarat Exco kerajaan negeri esok, seperti yang dijangka sesetengah pihak.

"Perkara itu tidak akan dibincangkan esok kerana kita tidak akan terburu-buru membuat sesuatu, biar lambat asal selamat," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini hari ini.

Menurutnya isu itu perlu ditangani dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan salah faham walaupun ia perlu diselesaikan dengan segera bagi kepentingan bersama.

Kenyataan Nik Aziz itu menamatkan spekulasi bahawa mesyuarat Exco esok akan menjadi medan pertemuan pertama antara PAS dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) sejak krisis hubungan antara kedua-dua parti itu bermula.

Semalam Ketua Perhubungan S46 Kelantan Datuk Rozali Isohak menyatakan harapan agar isu pindaan itu dibincangkan pada mesyuarat itu setelah dua mesyuarat lain yang sepatutnya diadakan dalam tempoh seminggu lepas tidak dapat dilangsungkan.

PAS mempunyai lima orang wakil termasuk Nik Aziz dalam Exco negeri manakala S46 mempunyai empat wakil termasuk Rozali yang juga Timbalan Menteri Besar.

Nik Aziz berkata isu pindaan perlembagaan negeri itu tetap akan dibincangkan dalam mesyuarat Exco apabila tiba masa yang sesuai kerana masalah campur tangan Istana dalam pentadbiran negeri perlu diatasi bagi mengelakkan beliau dan pegawai-pegawainya menghadapi masalah untuk melaksanakan sesuatu dasar membabitkan kepentingan rakyat.

"Pembabitan pihak Istana ini telah lama berlaku sejak zaman Umno memerintah lagi hingga sekarang. Jadi saya sebagai Menteri Besar terpaksa melakukannya (meminda perlembagaan) sekarang bagi mengelakkan ia berterusan," katanya.

Menurutnya pindaan itu terpaksa dibuat walaupun beberapa pihak menentang bagi mengelakkan "pemikiran rakyat terus bercelaru apabila orang ini kata begini orang itu kata begitu dan akhirnya menyalahkan Menteri Besar apabila berlaku sesuatu,".

Beliau turut berterima kasih kepada kenyataan bekas Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamed Yaacob yang turut menyokong usaha pindaan itu serta bersimpati terhadap masalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri sekarang.

Nik Aziz berkata beliau sejak dari dahulu lagi menyokong penuh usaha yang dibuat oleh kerajaan pusat untuk menghapuskan kekebalan raja atas sifat peribadi kerana Islam tidak memberi keistimewaan itu kepada sesiapa.

Beliau juga meminta rakyat Kelantan supaya bersatu dan mengadakan sembahyang hajat bagi berdoa supaya semua perkara dan krisis ini dapat diselesaikan secara baik.

Ketika mengulas mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Nik Aziz berkata kerajaan negeri Kelantan menyambut baik usaha kerajaan pusat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan pendapatan rakyat.

Bagaimanapun beliau meminta kerajaan pusat memberi penekanan terhadap pendidikan moral sebagai langkah untuk mengatasi masalah keruntuhan akhlak yang kian ketara di negara ini. -- BERNAMA

RAR NMO

